PNB

NOTIS PRA-KELAYAKAN TENDER

PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR BAGI CADANGAN PROJEK REKA BENTUK DAN BINA UNTUK PENGUBAHSUAIAN PNB PERDANA COMMERCIAL CENTRE (RUANG PERUNCITAN), JALAN BINJAI, KUALA LUMPUR UNTUK PERMODALAN NASIONAL BERHAD ("PNB")

1. PNB Perdana Commercial Centre merupakan sebuah hartanah komersial empat (4) tingkat yang terletak di lokasi strategik di Jalan Binjai, Kuala Lumpur. Hatanah ini bersambung terus dengan Perdana Kuala Lumpur City Centre Hotel dan berada berhampiran Stesen MRT Persiaran KLCC. Projek ini bertujuan untuk mentransformasikan hartanah tersebut menjadi destinasi yang lebih berdaya saing, mampan dari sudut komersial dan berteraskan pengalaman pengguna melalui pendekatan berpandukan penghuni.
2. PNB mempelawa syarikat yang berdaftar, berpengalaman dan berkelayakan untuk menyertai tender bagi kerja yang dinyatakan dan memenuhi kriteria-kriteria mandatori berikut:

KRITERIA MANDATORI

i. Syarikat hendaklah mempunyai pendaftaran CIDB Gred G7 yang sah di bawah kategori B (Pembinaan Bangunan), Pengkhususan B04, dan/atau kategori serta pengkhususan lain yang berkaitan dengan bersesuaian dengan skop kerja yang dicadangkan.

ii. Syarikat hendaklah mempunyai pengalaman menyiapkan sekurang-kurangnya dua (2) projek pengubahsuaian, menaik taraf atau reka bentuk dan bina bagi bangunan komersial atau pembangunan bercampur dalam tempoh lima (5) tahun terkini, dengan nilai kontrak melebihi RM5 juta bagi setiap projek.

iii. Syarikat hendaklah mempunyai keupayaan untuk melaksanakan dan mengurus kerja-kerja reka bentuk dan pembinaan, termasuk seni bina, kejuruteraan awam dan struktur serta mekanikal dan elektrikal, dengan sokongan perunding profesional yang berkelayakan dan berdaftar.

iv. Syarikat hendaklah mempunyai pasukan pengurusan projek dan teknikal yang berpengalaman serta mempunyai rekod prestasi yang terbukti dalam melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian atau naik taraf di bangunan komersial yang masih beroperasi dan mempunyai penyewa sedia ada, termasuk penyelarasan yang berkesan dengan para penyewa bagi meminimumkan gangguan terhadap operasi perniagaan harian, penyelarasan dengan sistem perkhidmatan bangunan sedia ada, serta pematuhan terhadap keperluan pihak berkuasa dan peraturan berkanun yang berkaitan.

v. Syarikat hendaklah mempunyai kedudukan kewangan yang memuaskan bagi tiga (3) tahun kewangan terkini, serta kecairan kewangan, aliran tunai dan sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan dan menyiapkan projek yang dicadangkan.

3. Syarikat yang dilantik hendaklah melaksanakan, tetapi tidak terhad kepada, perkara berikut:

SKOP KERJA

i. Kerja-kerja pengubahsuaian luaran dan dalaman bangunan, termasuk fasad, pintu masuk, ruang peruncitan, kawasan umum dan kemudahan berkaitan.

ii. Penyusunan semula dan pengubahsuaian ruang peruncitan bagi memenuhi keperluan penyewa utama (anchor tenant) dan bakal penyewa.

iii. Kerja-kerja menaik taraf sistem mekanikal dan elektrikal (M&E) serta infrastruktur bangunan sedia ada.

iv. Penambahbaikan kemudahan dan persekitaran peruncitan bagi meningkatkan aksesibiliti, keselesaan dan pengalaman pengunjung.

v. Kerja-kerja landskap dan kawasan luaran, termasuk laluan pejalan kaki, pencahayaan landskap serta kemudahan berkaitan bagi mewujudkan persekitaran peruncitan yang menarik, ceria dan mesra pengunjung.

vi. Penyediaan dan pengemukaan pelan-pelan berkaitan, termasuk mendapatkan kelulusan yang diperlukan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak berkuasa lain yang berkaitan.

4. **PENDAFTARAN HASRAT**
Syarikat yang ingin menyertai Pra-Kelayakan Tender **WAJIB** menyatakan hasrat penyertaan melalui e-mel kepada procurement@pnb.com.my dan mohdzainuri@pnb.com.my bersama nombor Ariba Network ID (ANID) PNB **bermula dari 29 Oktober 2026 hingga 9 November 2026, pada atau sebelum jam 3.00 petang**. Sebarang pernyataan hasrat penyertaan yang diterima selepas tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan diterima. Manakala mana-mana syarikat yang belum berdaftar dengan sistem SAP Ariba PNB perlu mendaftar terlebih dahulu. Pendaftaran syarikat dalam sistem SAP Ariba PNB boleh dibuat di laman mikro Perolehan PNB di https://www.pnb.com.my/ms/e-perolehan-ms atau www.pnb.com.my

5. **PENYERAHAN TENDER MELALUI SISTEM SAP ARIBA PNB**
Semua maklumat dan proses Pra-Kelayakan Tender (jemputan, pengambilan dan penyerahan dokumen Pra-Kelayakan Tender) termasuk tarikh tutup serahan Pra-Kelayakan Tender adalah menggunakan sistem SAP Ariba PNB. Hanya syarikat yang berdaftar dengan sistem ini serta memenuhi syarat yang ditetapkan layak menyertai Pra-Kelayakan Tender ini.

PNB berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan dan membatalkan proses Pra-Kelayakan Tender ini serta menolak semua permohonan tanpa sebarang liabiliti atau tanggungjawab untuk memaklumkan tindakan yang sedemikian kepada syarikat yang terlibat. Hanya syarikat yang berjaya sahaja akan dimaklumkan.

PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan yang ditanggung oleh para petender ketika menyediakan dan menyempurnakan dokumen Pra-Kelayakan Tender ini. **Syarikat-syarikat Bumiputera digalakkan untuk menyertai Pra-Kelayakan Tender ini**.

Petender juga boleh merujuk kepada laman web PNB di www.pnb.com.my berkaitan maklumat iklan Pra-Kelayakan Tender ini.

Permodalan Nasional Berhad 197801001190 (38218-X)
Menara Merdeka 118, Presint Merdeka 118, 50118 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan